

# Penyamun pistol mainan

## Dua beradik rompak kedai serbaneka 24 jam tampung hidup, beli dadah ditahan

**B**ermodalkan pistol mainan, dua beradik dikesan mencari 'pendapatan' dengan menyamun kedai serbaneka 24 jam sekitar daerah Kuala Muda sejak tiga minggu lalu untuk menampung hidup.

Masing-masing yang berusia 23 dan 26 tahun serta tidak bekerja itu dipercayai menyamun untuk mendapatkan wang bagi membeli bekalan dadah.

Bagaimanapun, perbuatan jahat dua beradik berkenaan terbongkar apabila mereka ditahan sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda, Ahad minggu lalu selepas 16 jam menyamun di sebuah kedai serbaneka.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, polis sebelum itu menerima maklumat daripada seorang pekerja kedai serbaneka 24 jam di Taman Setia Budi yang memaklumkan dia menjadi mangsa samun ketika bertugas pada jam 1.30 pagi.

Menurutnya, mangsa

mendakwa dia yang berada di kaunter didatangi seorang lelaki yang ketika itu mahu membuat pembayaran.

"Ketika mahu memulangkan baki, suspek secara tiba-tiba mengeluarkan objek seperti pistol dan mengacukannya ke arah pekerja terbabit sebelum mengambil semua wang dalam laci kaunter yang berjumlah RM100.

"Suspek melarikan diri dan mangsa membuat laporan polis berhubung kejadian terbabit," katanya ketika sidang media di pejabatnya, semalam.

Menurutnya, susulan itu polis berjaya mengesan dan menahan dua lelaki terbabit jam 5.30 petang hari yang sama selepas melakukan serbuan di tepi Sungai Pinang Tunggal, Tikam Batu.

"Hasil siasatan lanjut mendapati dua suspek ber-



Zaidy menunjukkan motosikal yang berjaya dirampas. Gambar kecil, turut dirampas pistol mainan digunakan ketika menyamun kedai serbaneka 24 jam.



kenaan adalah adik-beradik dan kita mendapati ketika kejadian si abang yang bersenjatakan pistol mainan masuk ke pre-

mis untuk melakukan samun.

"Adiknya pula dipercayai menunggu di luar premis dan akan memecut motosikal selepas selesai melaku-

kukan kegiatan samun mereka," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut juga mendapati motosikal digunakan dua beradik terbabit turut dilaku-

kan hilang pada hari sama mereka melakukan kegiatan samun itu.

"Kita percaya suspek mencuri motosikal terlebih dahulu bagi memudahkan pergerakan untuk melakukan jenayah dan dengan penahanan mereka tiga kes samun kedai serbaneka 24 jam sekitar daerah Kuala Muda berjaya diselesaikan.

"Selain itu, kita turut dapat selesaikan satu kes khianat serta satu kes curi motosikal yang dilakukan suspek dan siasatan lanjut mendapati dua beradik berkenaan positif methamphetamine," katanya.

Katanya, polis merampas pistol mainan hitam, beg pinggang biru, peralatan mencuri motosikal, sebuah motosikal dan tiga plastik lutsinar mengandungi syabu seberat 2.62 gram.

Menurutnya, mereka di-reman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksan dan Seksyen 36 Akta Senjata Api 1960.